

# **PRASANGKA DAN DISKRIMINASI (Part 2)**

**Izwyn Binti Zulkapri, Khalifah Mastura Binti Hassan & Nurul Sa'adah Binti Sabdin**


## **Implikasi Prasangka**

Menurut Fiske dan Taylor (1991), prasangka ialah satu bentuk sikap dengan dua implikasi. Sikap adalah satu bentuk skema yang merupakan kerangka kognitif untuk mengorganisasi, menginterpretasi dan mengingati semula maklumat.

## **Implikasi Pertama**

Individu yang berprasangka terhadap sesuatu kelompok cenderung memproses maklumat sebagaimana ia memproses maklumat dengan individu yang menganggoati kelompok yang lain. Secara khususnya, maklumat yang tekal dengan pandangan individu yang berprasangka mendapat lebih perhatian dan sering diulangi. Akibat daripada tindakan ini, maklumat tersebut cenderung diingati dengan lebih tepat berbanding dengan maklumat yang tidak tekal. Oleh itu, prasangka menjadi satu bentuk lingkaran kognitif yang tertutup. Apabila individu tiada pengalaman dalam kehidupan sebenar, maka individu yang berprasangka akan menyangkal ketepatan maklumat sebenar. Malah, individu ini mempercayai perkara yang diprasangkakannya dalam jangka masa yang panjang.

## Implikasi Kedua



Sebagai sebuah sikap, prasangka mengandung tiga komponen iaitu perasaan atau afektif (*feeling*), kecenderungan untuk melakukan tindakan atau tingkah laku (*behavioral tendency*), dan adanya suatu pengetahuan yang diyakini mengenai objek prasangka (*beliefs*).

### 1. Afektif (*feeling*)

Perasaan atau emosi negatif yang dialami oleh individu yang berprasangka. Perasaan atau emosi yang biasanya wujud dalam individu yang berprasangka adalah perasaan negatif atau tidak suka dan kadangkala cenderung untuk membenci. Emosi negatif ini boleh muncul sama ada individu yang tidak disukai itu wujud di depan mata atau dengan hanya memikirkan individu tersebut sahaja.

### 2. Kognitif (*beliefs*)

Pengetahuan mengenai objek prasangka biasanya adalah dalam bentuk maklumat mengenai latar belakang objek yang diprasangkai dan biasanya tidak berdasar. Misalnya apabila latar belakang kelompoknya adalah etnik A, maka seseorang yang berprasangka terhadapnya mesti memiliki pengetahuan yang diyakini benar mengenai etnik A, sama ada

pengetahuan itu benar atau tidak. Komponen kognitif juga melibatkan kepercayaan dan jangkauan terhadap ahli sesuatu kelompok serta cara maklumat tentang ahli kelompok tersebut diproses, disimpan dan diingati semula.

### **3. Tingkah laku (*behavior*)**

Komponen tingkah laku melibatkan kecenderungan untuk bertindak secara negatif atau mempunyai niat untuk melakukan keganasan terhadap ahli dari sesuatu kelompok. Apabila kecenderungan dan niat ini diterjemahkan ke dalam tingkah laku nyata, maka muncullah tingkah laku negatif. Tingkah laku negatif ini adalah diskriminasi.

